



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BAHASA SINDIRAN DALAM UJARAN VIDEO BLOG

SITI NORSYAHIDA BINTI MOHD A RASHID

FBMK 2016 81



BAHASA SINDIRAN DALAM UJARAN VIDEO BLOG

Oleh

SITI NORSYAHIDA BINTI MOHD A RASHID

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Ogos 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah, berkat dan rahmat Tuhan sekalian alam, Allah S.W.T yang memberi petunjuk, kekuatan, dan menjadi pegangan sepanjang mengharungi cabaran sebagai pengkaji kertas penulisan tesis.

Tulus ikhlas ku tujukan ucapan terima kasih dan dedikasi ini kepada:

Ayahku

Mohd A Rashid Nawawi

Insan yang terbaik dikirimkan tuhan

Untuk menjaga, melindungi, menyayangi, memberikan seluruh keringat

Dalam membesarkanku dan memberi pendidikan sempurna.

Ditemani doa kudus seiring langkah kakiku

Mengejar cita-cita sudah cukup membuatkan kau tersenyum bangga

Akanku kenang hingga ke hujung nyawa.

Ibuku,

Rosnah Mat Nan.

Insan yang penyayang dikirimkan tuhan

Lantaran kasih dan pengorbananmu

Melayan kerenah anakmu di setiap masa tanpa jemu

Menjadi perangsang, pendorong dan pembakar semangat

Untuk aku terus melangkah dengan jaya

Akanku balas jasmu walau tidak mampu terbalas.

Ahli keluargaku,

Siti Noradzila, Siti Noramiza, Siti Nornatassha dan Rosyhaidie

Terima kasih kerana kalian sering ada di kala aku dalam kepayahan

Akanku abadikan cinta luhur dalam ikatan darah yang mengalir ini

Yang tidak terlerai hingga ke akhirnya

Yang menjadi kekuatan untuk aku terus membara

Para pengajar,

Yang memberi didikan dan ilmu,

Halalkan semua ilmu yang pernah kalian curahkan,

Akanku gunakan ilmu yang diberikan untuk menjadi anak bangsa yang berjaya.

Kepada sahabat,

Yang sering bersama-sama sepanjang kita mengenal makna usia,

Yang memberi nasihat dan kenangan terindah,

Pengalaman, cerita suka dan duka akan kusimpan dalam ingatan dan doa.

Semoga kita semua berjaya.

Terima kasih semua!

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

BAHASA SINDIRAN DALAM UJARAN VIDEO BLOG

Oleh

SITI NORSYAHIDA BINTI MOHD A RASHID

Ogos 2016

Pengerusi : Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran Mat Luthfi. Bahasa sindiran merupakan satu bentuk kata yang mempunyai makna yang tersirat. Makna yang tersirat ini menyukarkan penginterpretasian makna sesuatu ujaran (Mustafa Atan, 2010). Dalam kajian ini, penyelidik menyenaraikan tiga objektif, iaitu mengenal pasti kekerapan jenis bahasa sindiran, menghuraikan penggunaan paralinguistik dari segi penyampaian bahasa sindiran dan untuk menganalisis makna tersirat dari aspek pragmatik dalam ujaran Vlog Mat Luthfi. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kualitatif bagi menghuraikan makna tersirat dalam penggunaan bahasa sindiran. Kerangka Teori dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan Kerangka Keraf (2007), Kerangka Bloch & Trager (1942) dan Teori Relevans (1986) yang dipelopori oleh Sperber & Wilson. Teori ini memberi penekanan kepada bahan kajian yang dikaji, iaitu merupakan video yang dihasilkan oleh vlogger Mat Luthfi yang diperolehi daripada laman sesawang YouTube, iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Ujaran yang mengandungi makna tersirat ini telah ditranskripsikan daripada bentuk lisan kepada bentuk penulisan. Pemilihan data dibuat berdasarkan kepada ketiga-tiga jenis bahasa sindiran, iaitu ironi, sarkastik dan sinisme. Penggunaan bahasa sindiran ini bertujuan untuk menyampaikan mesej tertentu. Justeru, teguran yang betul dilakukan dengan menggunakan bahasa yang tersirat. Walau bagaimanapun, sindiran akan berjaya diterima sekiranya pihak yang ditujukan itu memahami mesej yang terdapat dalam sindiran tersebut. Dapatan kajian mendapati sebanyak 84% kekerapan penggunaan jenis sinisme, 10% jenis ironi dan 6% jenis sarkastik. Menerusi aspek paralinguistik, terdapat penggunaan intonasi suara dalam sindiran jenis ironi, sarkastik dan sinisme. Manakala, dari aspek pragmatik, terdapat kajian makna berdasarkan konsep konteks, kesan konteks dan kos proses, iaitu bagi mendapatkan makna yang relevan. Berdasarkan hasil kajian, ujaran Vlog menepati ketiga-tiga teori tersebut. Ujaran yang dituturkan oleh Mat Luthfi mempunyai makna yang tersirat dan mengandungi unsur sindiran.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

INSINUATION IN THE UTTERANCES OF BLOG VIDEO

By

SITI NORSYAHIDA BINTI MOHD A RASHID

August 2016

Chairman : Hajjah Nor Azuwan Yaakob, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research was conducted to analyse the language of insinuation in Mat Luthfi's utterances. Language of insinuation is a form of words which have a meaning. These implied meaning of certain utterances make it difficult for meaning interpretation (Mustafa Atan, 2010). In this research, the researchers listed the three objectives, namely to identify the frequency of the type of insinuation language, describes the use of paralinguistic aspects of delivering language and to analyse the implicit meaning of the pragmatic aspects in Mat Luthfi's utterances. Therefore, this research is a descriptive and qualitative study to describe the meaning implicit in the use of insinuation language. Theoretical framework in this research is based on Keraf framework (2007), Bloch & Trager framework (1942) and Relevance theory by Sperber and Wilson (1986). This theory focuses on the study material studied is a video produced by vlogger, Mat Luthfi obtained from the website YouTube, namely from 2011 to 2014. Utterance containing implicit meaning has been transcribed from oral to written form. The selection was made based on the data of the three types of language insinuation, that irony, sarcasm and cynicism. The use language of insinuation is intended to convey a specific message. Thus, the right admonish is done by using the language implied. However, the insinuation will be successfully received if the parties intended it to understand the message contained in the insinuation. This research found that about 84% of cynicism frequency of use, 10% of irony and 6% of sarcastic. Through paralinguistic aspects, there is the use of intonation in sarcasm type of irony, sarcasm and cynicism. While, on the pragmatic aspects of the study meaning based on the concept of context, context effects and processing efforts to obtain relevant meanings. Based on the findings, utterances of Vlog meets all three of these theories. Utterances spoken by Mat Luthfi has implied meaning and contains elements of insinuation.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya telah menyiapkan tesis saya yang bertajuk “Bahasa Sindiran Dalam Ujaran Video Blog” dan memperoleh ijazah sarjana Bahasa Melayu.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak yang mendorong dan memberi tunjuk ajar bagi menyiapkan tesis ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob, selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan. Seterusnya, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis. Sesungguhnya, tunjuk ajar, nasihat, teguran dan sebagainya sangat membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan tesis ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pengajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak memberi ilmu dan kerjasama sepanjang saya menimba ilmu di Universiti Putra Malaysia.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ayah, ibu, kakak dan adik yang banyak memberi perangsang, kata semangat, dan pengorbanan tidak terhingga kepada saya. Penyelidik juga ingin merakamkan terima kasih kepada sahabat handai dan semua pihak yang sentiasa bersama, dan bersama-sama mengenal erti tidak putus asa dalam menimba ilmu, memberi galakan supaya terus melangkah bagi menjayakan penyelidikan ini. Akhir kata, terima kasih semua atas jasa dan pengorbanan kalian dan hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Ogos 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Norsyahida binti Mohd A. Rashid bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Bahasa Sindiran dalam Ujaran Video Blog” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Maslida Yusof, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 3 November 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Professor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbangi dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Siti Norsyahida Binti Mohd A Rashid (GS39296)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.2.1 Bahasa sebagai Alat Pemikiran Manusia	1
1.2.2 Bahasa Sindiran sebagai Ragam Bahasa	2
1.2.3 Bahasa Sindiran dalam Masyarakat Melayu	3
1.2.4 Penggunaan Bahasa Sindiran dalam Teknologi Moden	4
1.2.5 Peranan Vlogger dalam Penyampaian Mesej	5
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	10
1.8.1 Sindiran	11
1.8.2 Vlogger	11
1.8.3 Video	12
1.8.4 Youtube	12
1.8.5 Makna	13
1.8.6 Pragmatik	13
1.8.7 Ujaran	13
1.8.8 Vlog	14
1.8.9 Paralinguistik	
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian tentang Bahasa Sindiran	15
2.3 Kajian tentang Ujaran	18
2.4 Kajian tentang Makna	22
2.5 Kajian tentang Pragmatik	25
2.6 Kajian tentang Paralinguistik	31
2.7 Kesimpulan	34

3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
	3.2.1 Konsep dan Kerangka Teori	36
	3.2.2 Kerangka Konsepsi	42
3.3	Instrumen Kajian	43
	3.3.1 Rasional Pemilihan Instrumen Kajian	44
3.4	Kaedah Kajian	44
	3.4.1 Analisis Teks	44
	3.4.2 Analisis Data	44
3.5	Kesimpulan	45
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Kekerapan jenis bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran Mat Luthfi	46
	4.2.1 Bahasa Sindiran Jenis Ironi	47
	4.2.2 Bahasa Sindiran Jenis Sarkastik	48
	4.2.3 Bahasa Sindiran Jenis Sinisme	50
4.3	Penggunaan paralinguistik dari segi penyampaian bahasa sindiran	57
	4.3.1 Penggunaan Paralinguistik dalam Sindiran Ironi	57
	4.3.2 Penggunaan Paralinguistik dalam Sindiran Sarkastik	60
	4.3.3 Penggunaan Paralinguistik dalam Sindiran Sinisme	63
4.4	Makna Bahasa Sindiran yang Tersirat dari Aspek Pragmatik dalam Ujaran Mat Luthfi	67
	4.4.1 Aspek Pragmatik Sindiran Ironi	68
	4.4.2 Aspek Pragmatik Sindiran Sarkastik	73
	4.4.3 Aspek Pragmatik Sindiran Sinisme	76
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan	83
5.2	Cadangan	85
5.3	Penutup	86
	BIBLIOGRAFI	87
	LAMPIRAN	99
	BIODATA PELAJAR	161

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Tajuk Kajian Video Youtube Mat Luthfi	9
2.1	Fungsi Suprasegmental (Crystal, 2011)	32
3.1	Tajuk Rakaman Video Youtube Mat Luthfi	43
4.1	Bahasa Sindiran Jenis Ironi	47
4.2	Bahasa Sindiran Jenis Sarkastik	48
4.3	Bahasa Sindiran Jenis Sinisme	50
4.4	Taburan Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog Mat Luthfi	55

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Ujaran dalam Bidang Pragmatik (Grice, 1975)	26
4.4	Analisis Data Berdasarkan Teori Relevans	68



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan mengupas tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian. Dalam bahagian definisi operasional menjelaskan makna atau definisi *vlogger*, video, *youtube*, makna, pragmatik, ujaran dan *vlog* bagi memudahkan kefahaman mengenai kajian yang dilakukan.

1.2 Latar belakang Kajian

1.2.1 Bahasa sebagai Alat Pemikiran Manusia

Bahasa merupakan satu alat komunikasi bagi menghubungkan individu dengan individu yang lain. Individu yang akan membentuk satu kelompok manusia ini menggunakan bahasa dalam kehidupan mereka bagi memudahkan sesuatu pekerjaan, menyampaikan maksud atau kehendak, berkongsi cerita, pemikiran atau idea dan sebagainya. Bahasa digunakan manusia sebagai alat bagi menyampaikan pemikiran dan idea seseorang. Menurut Mana Sikana (1990) pemikiran dan falsafah seseorang dapat diekspresikan melalui bahasa, iaitu ketika sistem perhubungan berlangsung. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa manusia sangat mementingkan sistem perhubungan bagi memudahkan sesuatu komunikasi berlaku. Komunikasi yang berlaku ini merangkumi aspek sosial, ekonomi, politik, agama dan sebagainya. Sekiranya manusia tidak mempunyai sistem perhubungan, maka akan berlakulah kehidupan yang tidak lengkap kerana sifat manusia itu sendiri yang saling bergantung antara satu sama lain.

Menurut Zikmal Fuad (2015), bahasa merupakan momentum kata yang boleh membuatkan penerima memahami dan mentafsir sesuatu kata. Penggunaan bahasa sebagai alat pemikiran manusia dan dijadikan sebagai alat komunikasi atau alat dakwah dilihat telah termaktub dalam surah al-Rahman ayat ke 4, iaitu "*Allamahu al-Bayan*" yang membawa makna bahawa Allah SWT yang membolehkan manusia untuk pandai berbicara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa merupakan alat pemikiran dan alat komunikasi manusia. Menurut Gorys Keraf (1997), bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan manusia bagi menyampaikan sesuatu maklumat atau kehendak. Alat komunikasi ini terdiri daripada simbol bunyi yang dihasilkan oleh alat suara manusia. Walau bagaimanapun, komunikasi juga boleh berlaku dengan menggunakan cara tertentu yang disepakati bersama.

Dalam sistem perhubungan, penggunaan kata yang baik dan tersirat sangat penting kerana ianya bertujuan untuk mengatasi masalah pertelingkahan yang mungkin berlaku dalam perhubungan sosial ini. Walau bagaimanapun, pentafsiran yang betul haruslah dibuat agar mesej yang hendak disampaikan kepada seseorang dapat difahami oleh pendengar. Penggunaan kata yang tersirat ini biasanya digunakan oleh masyarakat sehingga mendatangkan kesan sama ada positif atau negatif terhadap penerima, iaitu

bergantung kepada penerimaan seseorang. Penggunaan bahasa tersirat ini dikenali sebagai bahasa sindiran. Hal ini bertepatan dengan pendapat Akmajian et al., (2002) yang menyatakan bahawa bahasa sindiran sebagai kata yang mengandungi makna yang tersirat dan bertentangan dengan kata yang diujarkan oleh seseorang. Bahasa sindiran juga dikenali sebagai bahasa yang mempunyai ragam kerana bahasa sindiran digunakan seseorang mengikut konteks situasi yang sesuai.

1.2.2 Bahasa Sindiran sebagai Ragam Bahasa

Bahasa sindiran merupakan salah satu jenis ragam bahasa yang mempunyai makna yang tersirat. Ragam bahasa digunakan dalam menyampaikan sesuatu hasrat atau mempunyai tujuan tertentu dalam situasi yang tertentu. Ragam bahasa yang digunakan bergantung kepada konteks, iaitu sesuatu ujaran mempunyai kaitan dengan situasi masyarakat dalam sesuatu interaksi. Perkara yang dinyatakan dalam sesuatu interaksi itu bukan sahaja tersurat bahkan juga mengandungi makna yang tersirat. Keris Mas (1988) menyatakan bahawa sindiran merupakan salah satu jenis gaya bahasa kiasan.

Penggunaan bahasa sindiran dalam lisan atau tulisan merupakan gaya bahasa yang bertujuan untuk menimbulkan kesan tertentu terhadap pendengar atau pembaca (Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkifli Harun, 1997). Kridalaksana (1984) pula menyatakan bahawa gaya bahasa ialah perkara yang bermanfaat merujuk kepada kekayaan bahasa seseorang dalam bertutur atau bertulis. Selain itu, beliau juga menyatakan maksud lain bagi gaya bahasa ialah pemakaian ragam tertentu untuk memperoleh kesan tertentu.

Menurut Umar Junus (2010), makna sesuatu kata tidak berubah apabila cara menyatakan sesuatu perkara berbeza daripada kebiasaan, iaitu dengan menggunakan gaya bahasa. Gaya bahasa mempunyai kaitan bahasa sastera, iaitu stilistik. Kemampuan linguistik digunakan untuk mengkaji pemakaian bahasa dalam karya sastera. Hal ini menyebabkan kebanyakan pengkaji tidak mengkaji stilistik, tetapi bagi beliau pengetahuan linguistik berkait rapat dengan dunia sastera sehingga mendorongnya mengkaji stilistik dan gaya bahasa. Dapat disimpulkan bahawa gaya bahasa bersifat tidak statik, tetapi bersifat dinamik dan berubah-ubah. Maniyamin Hj Ibrahim (2006) menyatakan bahawa gaya bahasa terhasil daripada usaha seseorang memanipulasi sesuatu bahasa. Bahasa yang dimanipulasi ini dilakukan bertujuan untuk mencari perkataan atau ungkapan yang serasi dengan mesej yang ingin disampaikan. Ungkapan yang terhasil menimbulkan keberkesanan kepada pembaca atau pendengar.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa sindiran merupakan salah satu jenis ragam bahasa. Ragam bahasa yang pelbagai ini mempunyai ciri yang tertentu dan mempunyai tujuan dan mesej untuk mendatangkan kesan terhadap penggunaan bahasa yang dipilih. Ragam bahasa juga memberikan manfaat kepada penggunaannya bagi melihat penggunaan ragam yang sesuai mengikut konteks dan keadaan setempat. Justeru itu, bahasa sindiran merupakan pemilihan ragam bahasa yang tepat dan bijak yang digunakan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu.

1.2.3 Bahasa Sindiran dalam Masyarakat Melayu

Bahasa sindiran merupakan satu bentuk kata yang mempunyai makna yang tersirat dan sering digunakan oleh masyarakat Melayu. Za'ba (1965) menyatakan bahawa bahasa sindiran sebagai ujaran yang ditujukan kepada seseorang secara berkias dan tidak tepat, iaitu mempunyai makna yang bertentangan daripada ujaran tersebut. Sebagai contoh sekiranya seseorang ingin menyatakan sesuatu mengenai orang lain, dia tidak akan menyebut secara tepat orang yang berkenaan. Hal ini kerana pada pendapat beliau, masyarakat lebih suka menyebutkannya secara terselindung dan bukannya secara terang-terangan. Tambahan pula, seseorang menggunakan bahasa sindiran yang membawa makna yang berbeza daripada ujaran. Makna di sebalik ujaran itu akan menjadi lebih mendalam sekiranya orang yang ditujukan bahasa sindiran tersebut dapat menangkap dan memahami perkara yang ingin disampaikan. Hal ini jelas menunjukkan bahasa sindiran menjadi satu jenis ragam bahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu menganggap sindiran sebagai ungkapan yang mengandungi makna tersirat dalam menyampaikan sesuatu tujuan.

Selain itu, bahasa sindiran ini berlaku kerana sifat masyarakat Melayu yang mementingkan adab sopan ketika bercakap dan menjaga perasaan orang lain. Oleh sebab itu, bahasa sindiran berlaku kerana seseorang itu tidak dapat memendamkan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu perkara, tidak dapat mengawal perasaan marah dan sebagainya. Justeru itu, bahasa sindiran berperanan sebagai kata yang tersusun dengan baik dan teratur agar pihak yang ditujukan akan terasa dan tersedar dengan perbuatannya yang menimbulkan kemarahan orang lain. Bahasa sindiran ini telah digunakan masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Masyarakat akan menggunakan bahasa sindiran apabila mereka berjumpa secara bersemuka contohnya di majlis perkahwinan, di rumah, kenduri dan sebagainya.

Menurut Keraf (2007), bahasa sindiran terbahagi kepada tiga jenis, iaitu ironi, sinis dan sarkastik. Sindiran jenis ironi merupakan ungkapan sindiran yang halus, tetapi mempunyai makna yang tajam. Cara pengungkapan ironi tidak disampaikan secara kasar, tetapi orang yang ditujukan bahasa sindiran jenis ironi akan terasa kesan dan tajam dengan nada sindirannya. Bahasa sindiran jenis ini lazimnya bertentangan dengan maksud sebenar. Contohnya dalam ujaran berikut:

“Saya tidak berpuas hati dengan disiplin anda sekalian, mulai hari ini, saudara sekalian boleh buat apa yang saudara suka, tetapi jika saudara menerima surat pemecatan daripada syarikat, saudara bolehlah menyanyi tanpa lagu.” (Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, 38: 2006).

Manakala, jenis sarkastik pula merupakan bahasa yang ditujukan kepada seseorang untuk tujuan menyakiti hati orang tersebut. Ujaran jenis sarkastik yang digunakan bersifat kesat. Sindiran jenis ini berlaku akibat perbuatan seseorang yang membuatkan penutur tidak dapat mengawal kemarahan. Sarkastik merupakan acuan yang lebih kasar berbanding sindiran jenis sinisme dan ironi (Keraf, 2007). Contohnya dalam ujaran berikut:

“Pergi jahanam kamu. Aku tidak suka melihat kamu lagi!”
(Apresiasi bahasa: interpretasi dan ekspresi, 2010).

Bahasa sindiran yang seterusnya ialah jenis sinisme. Ujaran jenis sinisme bersifat sinis dan nada yang digunakan bersifat keras bagi memberi kesan yang mendalam kepada pendengar. Contohnya dalam ujaran berikut:

“Biarlah dia pergi, muak aku melihatnya.”
(Apresiasi bahasa: interpretasi dan ekspresi, 2010).

Oleh itu, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu gemar menggunakan sindiran dalam kehidupan mereka kerana mementingkan kehidupan yang penuh dengan adat kesopanan dan nilai budi bahasa. Bahasa sindiran yang terdiri daripada ironi, sarkastik dan sinisme yang sering digunakan masyarakat Melayu zaman dahulu masih diguna oleh masyarakat Melayu zaman masa kini. Hal ini dapat dilihat apabila bahasa sindiran digunakan oleh masyarakat Melayu dalam teknologi moden.

1.2.4 Penggunaan Bahasa Sindiran dalam Teknologi Moden

Zaman masa kini, penggunaan teknologi moden, iaitu internet menjadi satu kepentingan bagi masyarakat di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Penggunaan internet juga amat popular bagi sesebuah negara kerana sesuatu perkara yang berlaku dapat disebar dan diketahui oleh semua orang dengan pantas. Hal ini kerana internet dapat menghubungkan individu dengan individu yang lain tanpa batasan. Internet juga merupakan satu medium komunikasi untuk masyarakat berkongsi pengalaman, cerita, idea, kehendak dan sebagainya. Tambahan lagi dengan adanya *youtube* sebagai tempat memuat naik video yang dirakam, ianya dapat memudahkan lagi masyarakat menyebarkan mesej, pengalaman, pengetahuan dan sebagainya secara kreatif kepada umum.

Tambahan lagi, perkara yang hendak dikongsi itu juga kadangkala adalah bertujuan untuk hiburan. Hal ini kerana masyarakat akan tertarik dengan sesuatu perkara yang bersifat santai dan berbentuk hiburan. Oleh itu, kajian ini berfokus kepada *vlogger* Mat Luthfi. Mat Luthfi merupakan antara *vlogger* yang kreatif dalam menyampaikan mesej berguna kepada masyarakat.

1.2.5 Peranan *Vlogger* dalam Penyampaian Mesej

Vlogger merupakan seseorang yang berkongsi idea ataupun mempunyai tujuan untuk menyampaikan sesuatu mesej melalui video dengan menjadikan *youtube* sebagai saluran idea tersebut. Penyampaian video melalui *youtube* ini mampu membuatkan masyarakat menonton video yang dirakam tanpa ada batasan sehingga mampu melonjakkan nama *vlogger*. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi menerusi *youtube* mempengaruhi masyarakat melalui idea dan pandangan yang dikemukakan oleh *vlogger*.

Melalui kajian ini, video *youtube* dan *vlogger* Mat Luthfi dipilih sebagai alat dan sumber data kajian berikutan video yang dihasilkan mengandungi sindiran tertentu terhadap semua golongan masyarakat. Nama sebenar Mat Luthfi ialah Muhammad Luthfi Bin Rohime. Mat Luthfi merupakan mahasiswa yang mendapat pendidikan di Perth, Australia. *Vlog* yang dihasilkan mempunyai mesej yang tersendiri, kreatif dan mengandungi makna tersirat. Justeru itu, masyarakat haruslah mengambil perkara yang disampaikan oleh Mat Luthfi dari sudut positif dan mengambil iktibar dari setiap mesej yang dibawakannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Sesuatu ujaran mempunyai mesej yang ingin ditujukan kepada pendengar. Apabila penerima atau penonton *youtube* mendengar sesuatu ujaran, penerima akan cuba untuk memahami perkara yang disampaikan atau cuba untuk memahami bunyi bahasa yang diujarkan. Tujuan penutur adalah untuk menyampaikan maksud atau sesuatu yang berada dalam pemikirannya, justeru penutur akan meluahkan atau melontarkan perkara yang difikirkannya untuk dikongsi kepada umum. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa sindiran dan kata tersirat agak menyukarkan pemahaman sesuatu makna ujaran.

Menurut Mustafa Atan (2010), penggunaan bahasa yang diujarkan berkait dengan darjah kefahaman penggunaan unsur bahasa tersebut. Tambahnya lagi, mesej yang ingin disampaikan seseorang tidak dapat difahami dan berlaku juga pentafsiran yang salah terhadap sesuatu ujaran. Justeru itu, tujuan mengkaji bahasa sindiran dalam ujaran vlog adalah untuk memahami makna di sebalik penggunaan bahasa tersirat dan untuk memudahkan pentafsiran makna sesuatu ujaran berdasarkan aspek pragmatik dan Teori Relevans.

Kajian tentang bahasa sindiran telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji. Kajian bahasa sindiran oleh Norzaliza Ghazali & Maizatul Azura Yahya (2008) dalam kajian “Memahami Pemikiran Lat dalam Kartun-kartun lakarnya” menumpukan sindiran tajam dalam karikatur yang dilakar oleh Lat, iaitu karikatur dalam akhbar yang menjadi medium penyampaian mesej dan kritikan kepada umum. Walaupun terdapat kajian lepas tentang bahasa sindiran namun, kajian tentang bahasa sindiran dalam ujaran vlog masih kurang dijalankan secara khusus oleh pengkaji lain. Seajar dengan itu, pengkaji ingin menjalankan kajian bahasa sindiran dalam ujaran vlog yang menjadi medium penyampaian mesej bagi melihat kekerapan penggunaan bahasa sindiran dalam ujaran vlog Mat Luthfi. Kajian ini dapat menutup lompang penyelidikan linguistik dalam bahasa sindiran.

Tambahan lagi, dalam proses komunikasi, pemahaman atau pertuturan dapat difahami bukan sahaja berdasarkan jenis ayat yang digunakan, tetapi berdasarkan bentuk visual atau bentuk bahasa bukan verbal melibatkan penutur dan pendengar. Kemahiran komunikasi ini penting dalam membantu proses penginterpretasian makna. Menurut Noor Aina Dani (2007), kemahiran menyebut sesuatu dan membunyikan bunyi bahasa, penggunaan intonasi, nada, jeda merupakan salah satu penggunaan secara tidak terkawal dalam pertuturan dan tergolong dalam kemahiran lisan. Penggunaan paralinguistik atau intonasi suara membantu seseorang memahami ujaran yang diujarkan sama ada ketika marah, sedih, sinis dan sebagainya. Pemikiran seseorang dapat diselami melalui penggunaan bahasanya. Menurut Hasuria Che Omar, Rokiah

Awang, Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin & Noriah Mohamed (2009), kajian bahasa bukan verbal, iaitu penggunaan paralinguistik dalam sesuatu ujaran masih tidak banyak dilakukan kajian dalam Malaysia. Justeru, kekurangan kajian dalam bidang paralinguistik menyebabkan pengkaji melihat penggunaan bahasa sindiran dari aspek paralinguistik kerana paralinguistik berperanan dalam proses penginterpretasian makna bahasa sindiran.

Penggunaan bahasa sindiran lazimnya mempunyai makna yang tersirat dan dapat difahami melalui penggunaan paralinguistik dan melalui konteks atau situasi. Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim dan Ra'in Shaari (2009) menyatakan dalam bidang kajian makna melibatkan salah satu cabang leksikal yang merujuk kepada perbendaharaan sesuatu ujaran atau sesuatu bidang. Bidang makna atau dikenali juga sebagai bidang semantik menjadi aspek penting dalam kajian pengertian makna sesuatu ujaran. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992), makna yang dihajati penutur tidak dapat difahami oleh pendengar sekiranya pengkajian makna yang dikenali juga sebagai kajian pragmatik hanya ditumpukan dalam bidang semantik sahaja. Pendapat beliau mempunyai persamaan dengan pendapat Jean Stilwell Peccei (2001) yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan nyata antara semantik dan pragmatik, iaitu semantik hanya berdasarkan pengetahuan linguistik, sementara pragmatik memberikan tumpuan makna yang lebih luas, iaitu dengan mengambil kira pengetahuan ilmu dan persekitaran dunia.

Justeru itu, perkara ini menjadi lompong dan menunjukkan terdapat kekurangan bidang semantik dalam penginterpretasian makna. Sehubungan dengan itu, penganalisan makna ujaran dalam vlog Mat Luthfi dilihat berdasarkan aspek pragmatik dalam kajian ini. Hal ini kerana kebanyakan isu yang diketengahkan dalam kajian ini mengandungi bahasa sindiran dan makna yang tersirat. Ketepatan maksud ujaran itu tidak dapat diukur menerusi ungkapan semata-mata. Perkara ini dijelaskan dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah (2011) yang menyatakan bahawa pengetahuan tentang pragmatik memudahkan kajian makna dilakukan. Hal ini kerana maklumat bukan linguistik, iaitu aspek persekitaran, budaya, latar belakang, konteks dan sebagainya digunakan dalam proses penginterpretasian makna.

1.4 Persoalan kajian

- 1) Apakah jenis kekerapan bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran vlog Mat Luthfi?
- 2) Mengapakah penggunaan paralinguistik digunakan dalam bahasa sindiran dalam ujaran vlog Mat Luthfi?
- 3) Adakah makna bahasa sindiran dalam ujaran vlog Mat Luthfi yang dapat dijelaskan dari aspek pragmatik?

1.5 Objektif kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Menenal pasti kekerapan jenis bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran vlog Mat Luthfi.

- 2) Menghuraikan penggunaan paralinguistik dari segi penyampaian bahasa sindiran dalam ujaran vlog Mat Luthfi.
- 3) Menganalisis makna bahasa sindiran yang tersirat dari aspek pragmatik dalam ujaran vlog Mat Luthfi.

1.6 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat penggunaan bahasa sindiran dan makna di sebalik ujaran yang digunakan masyarakat masa kini. Ujaran yang mengandungi makna tersirat ini sering digunakan masyarakat dengan menjadikan *youtube* sebagai medium utama perkongsian idea dan pemikiran masyarakat. Secara tidak langsung, ujaran yang dibawakan dalam vlog Mat Luthfi mendatangkan kesan terhadap pemikiran penonton sama ada kesan positif mahupun negatif atau menerima sesuatu sindiran itu secara terbuka atau sebaliknya.

Tambahan lagi, isu yang dibawakan oleh Mat Luthfi merupakan isu yang berkaitan dengan masyarakat dan mengandungi mesej yang baik kepada penonton. Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu isu semasa akan menjadi perhatian masyarakat untuk memperkatakannya dan berkongsi pendapat mengenai sesuatu isu itu. Kajian ini juga menghuraikan cara penggunaan paralinguistik dalam penyampaian ujaran yang terdapat bahasa sindiran. Penggunaan paralinguistik ini juga membantu dalam menginterpretasikan makna ujaran. Hal ini kerana intonasi suara, peranan turun rendah suara, nada suara dan mimik muka menjelaskan lagi hajat atau tujuan penutur. Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan bagi menambah khazanah penyelidikan negara dalam bidang paralinguistik kerana bidang ini banyak dikaji oleh pengkaji barat.

Sehubungan itu, dapatan kajian ini memperjelaskan lagi kesesuaian penggunaan teori dalam menganalisis data kajian. Hal ini kerana kajian ini menggunakan aspek pragmatik sebagai teras kajian makna di sebalik ujaran video *youtube* Mat Luthfi. Oleh itu, aspek-aspek yang melibatkan konteks situasi antara penutur dengan pendengar, peristiwa, latar belakang, tujuan dan sebagainya diambil kira. Justeru itu, kajian ini memberi sumbangan dalam ilmu pragmatik dan menambah sorotan kajian kepada pengkaji akan datang.

Selain itu, penggunaan bahasa sindiran dalam ujaran vlog Mat Luthfi juga dapat memberikan gambaran bahawa masyarakat Melayu cenderung menggunakan bahasa secara tersirat dan tidak berterus-terang. Perkara ini kadangkala menjadi rumit sekiranya seseorang tidak dapat memahami perkara yang cuba disampaikan oleh penutur. Justeru itu, penganalisisan makna bahasa sindiran mengikut Teori Relevans bagi menganalisis makna di sebalik ujaran tersebut berdasarkan konteks, kesan konteks dan kos proses. Kajian bahasa sindiran ini penting dalam menekankan maksud di sebalik penggunaan bahasa sindiran dalam video *youtube*. Penggunaan *youtube* sebagai sumber bahan kajian merupakan satu pendekatan baharu kerana masyarakat zaman kini menggunakan *youtube* sebagai tempat perkongsian maklumat, isu, pengalaman, idea, pemikiran dan sebagainya.

Akhirnya, kajian ini penting sebagai langkah bagi mempelbagaikan bentuk kajian makna. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai rujukan ilmu dan menjadi

pemangkin untuk kajian seterusnya mengikut perdekatan dan perspektif yang lain terutamanya melibatkan teknologi moden.

1.7 Skop kajian

Untuk memastikan kajian ini lebih berasas dan berfokus, pengkaji telah membataskan kajian berkisar kepada tajuk kajian, iaitu analisis makna di sebalik bahasa sindiran dalam ujaran video *youtube* Mat Luthfi. Huraian tersebut terbatat mengenai kajian makna tersirat dalam penggunaan bahasa sindiran. Selain itu, pengkaji menumpukan ujaran Mat Luthfi dari aspek jenis bahasa sindiran, aspek paralinguistik dan aspek pragmatik. Bahan kajian yang dikaji merupakan video yang dihasilkan oleh *vlogger* Mat Luthfi yang diperolehi daripada laman sesawang *youtube*, iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Pemilihan video *youtube* Mat Luthfi dipilih berdasarkan kepada pencapaian Mat Luthfi yang pernah memenangi beberapa anugerah, iaitu Anugerah *Shout* 2012, Anugerah *Shout* 2013, Video Terbaik Mat Luthfi 2013 dalam Anugerah DiGi *WWWOW Internet For All* 2013, Video *Viral* Original Paling Popular 2013 dalam Anugerah Lawak Warna 2013, Aksi di *Youtube* paling popular dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2013 dan Selebriti Media Sosial Pilihan *Online* dalam Anugerah Personaliti Terunggul Anugerah Pilihan *Online* 2016 (APO2016). Video *youtube* Mat Luthfi dipilih adalah untuk memperlihatkan kemampuan Mat Luthfi dalam mengemukakan sesuatu isu dan mesej tertentu yang berkaitan dengan masyarakat dengan adanya makna di sebalik ujarannya.

Ujaran yang mengandungi makna tersirat ini telah ditranskripsikan daripada lisan kepada tulisan untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Ujaran yang ditranskripsikan ini terdapat dalam lampiran bagi memudahkan kajian dilakukan. Oleh sebab ujaran dalam video yang dihasilkan oleh Mat Luthfi mengandungi unsur bahasa sindiran, maka pembahagian data dibuat mengikut objektif kajian. Pemilihan data dibuat berdasarkan kepada ketiga-tiga jenis bahasa sindiran, iaitu ironi, sarkastik dan sinisme. Hal ini bertujuan untuk melicinkan cara penghuraian data supaya tidak berlaku pertindihan dan pengulangan data kajian.

Tambahan lagi, ujaran vlog dianalisis dengan menggunakan Kerangka Keraf (2007) dalam objektif 1, iaitu untuk menganalisis data mengikut jenis bahasa sindiran. Manakala, Kerangka Bloch & Trager (1942) digunakan dalam objektif 2, iaitu untuk menganalisis data dari aspek paralinguistik. Dalam objektif ini, hanya kualiti suara, iaitu penggunaan intonasi suara sahaja dihuraikan. Hal ini bagi melihat penggunaan aspek intonasi suara dalam ujaran vlog bagi membantu proses pentafsiran makna dan bagi mengelakkan berlaku pertindihan data. Seterusnya, ujaran yang dipilih akan dianalisis secara terperinci dengan menggunakan Teori dan Prinsip Relevans untuk mendapatkan makna yang dimaksudkan oleh penutur mengikut konteks sosial, situasi, latar belakang, pengalaman dan sebagainya. Teori Relevans yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) sangat sesuai dijadikan teori dalam kajian ini kerana bidang kajian makna tersirat dalam penggunaan bahasa sindiran dapat dijelaskan berdasarkan prinsip yang terkandung dalam teori ini, iaitu melibatkan konteks, kesan konteks, dan kos proses. Teori Relevans juga dapat melihat kerelevanan sesuatu ujaran berdasarkan konteks. Justeru itu, teori ini sesuai digunakan dalam proses penginterpretasian makna kerana sesuatu ujaran melibatkan faktor bukan linguistik seperti konteks dan kontekstualiti.

Pemilihan video Mat Luthfi dijadikan sebagai bahan kajian kerana video yang dihasilkannya menjadi fenomena atau dikenali sebagai “viral.” Hal ini dapat dilihat melalui statistik jumlah tontonan video Mat Luthfi yang bertambah dari masa ke masa. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengkaji 30 video yang dimuat naik dalam *youtube* oleh Mat Luthfi dari tahun 2011 hingga 2014. Hal ini kerana terdapat 30 video sahaja yang dikeluarkan dari *youtube* pada tahun yang dipilih. Justeru itu, pemilihan data sebanyak 30 video yang mengandungi mesej tertentu ini dapat menjadikan proses penerapan teori dilakukan dengan mudah berikutan data ini bersesuaian dengan prinsip yang terkandung dalam teori yang dipilih. Pemilihan teori dan kerangka yang digunakan dalam kajian ini juga sesuai dengan tujuan kajian dapat mengenal pasti jenis bahasa sindiran, dapat menghuraikan penggunaan paralinguistik dalam ujaran vlog Mat Luthfi dan untuk menganalisis makna bahasa sindiran yang tersirat dari aspek pragmatik.

Berikut merupakan tajuk video *youtube* yang dikaji dalam kajian dilihat pada 12 Julai 2015 :

Jadual 1.1 : Tajuk Kajian Video Youtube Mat Luthfi

Label	Tajuk Video	Tarikh dikeluarkan	Masa (min)	Jumlah tontonan
V1	Mercun Bola bukan Bola	24/01/2011	2.06	992 383
V2	Nama pun Sampah	02/02/2011	5.08	1 231 701
V3	<i>Typical local film / Drama Scenes</i>	08/02/2011	3.57	971 433
V4	Serta paksa	22/02/2011	2.49	1 292 254
V5	Mari Merungut Malaysia	09/04/2011	4.32	1 117 612
V6	Ma ma ma ma ma	06/05/2011	7.26	924 180
V7	<i>New Album</i>	13/06/2011	3.09	861 454
V8	<i>Judgementel</i>	03/07/2011	3.21	713 521
V9	<i>Made by Malaysians</i>	26/08/2011	6.17	773 566
V10	Masalah	13/09/2011	3.04	1 125 324
V11	Rokok dan Kopiah	17/11/2011	13.32	893 019
V12	Lalang	20/01/2012	7.41	951 411
V13	<i>Rant on Popularity</i>	10/03/2012	3.55	1 104 488
V14	Kecelaruan Maklumat	22/04/2012	6.12	1 025 032
V15	Lampu Tandas Rosak	15/07/2012	3.12	571 459
V16	Om nom nom nom	20/07/2012	6.31	812 802
V17	Tutorial Songkok dan Kopiah	30/08/2012	3.53	654 448
V18	Drama-drama Sebelum Kahwin	24/10/2012	6.08	1 807 774
V19	Parodi Forum Suara Mahasiswa	16/01/2013	4.52	1 576 603
V20	Hari Jubah	13/02/2013	5.14	803 248
V21	Soalan Ramalan Pasca SPM	31/03/2013	5.33	942 020
V22	Memilih Pemimpin yang <i>Noobs</i>	25/04/2013	4.44	600 069
V23	Sebelah sayap	28/05/2013	13.20	959 263

V24	Mengajar Kanak-kanak riang	27/07/2013	5.12	826 863
V25	Jual mahal	16/09/2013	3.04	391 507
V26	Dokumentari – Ninja	05/10/2013	5.16	442 919
V27	Bob	28/10/2013	6.03	732 799
V28	Buat kepala	18/03/2014	3.44	716 421
V29	Hidup Bebas Hutang dan Menang	06/04/2014	2. 56	331 173
V30	Benda-benda Melayu atau Muslim Sebut Bila Ramadhan	05/07/2014	6.18	687 659

1.8 Definisi operasional

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah tertentu yang memerlukan penghuraian maksud dan pengertian supaya konsepnya jelas. Antara istilah tersebut adalah :

- i. Sindiran
- ii. *Vlogger*
- iii. Video
- iv. *Youtube*
- v. Makna
- vi. Pragmatik
- vii. Ujaran
- viii. *Vlog*
- ix. Paralinguistik

1.8.1 Sindiran

Keraf (2007) berpendapat bahawa bahasa sindiran merupakan satu bentuk acuan yang mempunyai tujuan tertentu dan mengandungi makna yang tersirat atau maksud yang berlawanan daripada perkara yang diujarkan oleh seseorang. Ujaran yang mengandungi sindiran ini dinyatakan juga secara tidak tepat, berselindung dan dikias-kiaskan dengan perkara lain tetapi ditujukan secara tepat terhadap seseorang. Menurut Keraf (2007), bahasa sindiran terbahagi kepada tiga, iaitu unsur ironi, unsur sinisme dan unsur sarkasme.

